

'Saya baru 6 tahun jadi PM'

Dr. M

KUALA LUMPUR - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau baru enam tahun menjadi Perdana Menteri dan berhubung dengan ini beliau menasihati pemimpin pemimpin yang ghaibkan jawatan itu supaya banyak bersabar.

Katanya, "Allahyarham Tun Abdul Razak sanggup bersabar selama 13 tahun untuk jadi Perdana Menteri, Tun Hussein Onn tidak menjatuhkan Tun Razak dan saya sendiri tidak pernah cuba menjatuhkan Tun Hussein Onn untuk jadi Perdana Menteri".

Berhubung dengan penahihan UMNO 24 April ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengulangi pendiriannya untuk mempertahankan jawatan Presiden UMNO jika dicabar atau dipaksa berundur oleh golongan-golongan yang inginkan pangkat untuk kepentingan diri.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang ditanya soalan ini selepas beliau merasmikan sidang mesyuarat UMNO Wilayah Persekutuan secara serentak untuk tujuh bahagian minggu lalu menjelaskan beliau akan bersara apabila tiba masanya, "tetapi tidak akan tunduk oleh paksaan beberapa kerat pemimpin yang kecewa".

"Apabila saya dicabar dan diturunkan, saya akan lawan dan tidak akan membiarkannya," jelasnya.

Adalah difebatikan ini adalah kali kedua Presiden UMNO itu berkata secara terbuka untuk mempertahankan kedudukannya. Kali pertama ialah bila beliau mengeluarkan kenyataan sulungnya di Jitra Kedah 21 Mac lalu. Datuk Seri Dr. Mahathir sebelum ini tetapi sekadar membisu walaupun lam-lain tokoh ligat berkempen menyerang dasar-dasarnya.

Kalangan pemerhati berkata, kenyataan Dr. Mahathir ini adalah sebagai jawapan kepada kenyataan Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin yang secara terbuka sebelum ini meminta Presiden UMNO itu berundur dari jawatan sekarang.

Datuk Haji Suhaimi membuat saranan itu sebagai menarik perhatian Perdana Menteri kepada kenyataan-kenyataannya sebelum ini yang menyatakan kesediaan untuk mengundurkan diri jika diminta oleh ahli-ahli parti.